

**[APPLYING VALUES IN THE TEACHING AND LEARNING OF HISTORY SUBJECTS
THROUGH TELEGRAM APPLICATIONS]****PENERAPAN NILAI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA
PELAJARAN SEJARAH MELALUI APLIKASI TELEGRAM**

TUAN SHARIFFAH KHAIRIAH TUAN KECHIL¹
MOHD MAHZAN AWANG²

¹Kolej al-Quran Terengganu, Kampus Padang Midin, 21400 Marang, Terengganu, MALAYSIA.
Email: s.khairiah@kqt.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
Email: mahzan@ukm.edu.my

Received: 4 January 2021

Accepted: 15 February 2021

Published: 22 March 2021

Abstract

The development of technology and communication has brought changes in the teaching and learning as well as the daily lives of students both at school and at the university level. Mobile learning are one of the approaches that are common in the teaching and learning process today. Educators can select a variety of appropriate applications to use according to the context of the problem encountered. One of the applications that is gaining ground in the teaching and learning process is through the Telegram application. This application is one of the interactive media that is a favorite of educators because of its convenience to send messages, share lecture notes, and can be accessed not only via smartphone but also through a computer without the need for a connection from a smartphone. Telegram application is also able to create an effective platform for interaction among students and educators as well as help streamline their learning process. Thus, this study would like to explore the application of values during the teaching and learning process using Telegram in History subjects. Students take classes virtually using the Telegram app within two hours. The results show that there is a good effect on pedagogical values and intrinsic values that can be integrated in the teaching and learning process thus helping students to better understand their learning outcomes.

Keywords: Telegram applications, mobile classes, teaching, values

Abstrak

Perkembangan teknologi dan komunikasi telah membawa perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran serta kehidupan seharian para pelajar sama ada di sekolah mahupun di peringkat universiti. Pembelajaran mudah alih merupakan salah satu pendekatan yang menjadi kebiasaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Para pendidik boleh memilih pelbagai aplikasi yang bersesuaian untuk digunakan mengikut konteks masalah yang dihadapi. Salah satu aplikasi yang semakin mendapat tempat dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah melalui aplikasi Telegram. Aplikasi ini merupakan salah satu daripada media interaktif yang menjadi kegemaran para pendidik kerana kesesuaiannya untuk menghantar pesanan, berkongsi nota kuliah, dan boleh diakses bukan sahaja melalui telefon pintar bahkan melalui

komputer tanpa memerlukan sambungan daripada telefon pintar. Aplikasi Telegram juga mampu melahirkan wadah interaksi yang berkesan dalam kalangan pelajar dan para pendidik serta membantu melancarkan proses pembelajaran mereka. Justeru, kajian ini ingin meneroka penerapan nilai semasa proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan Telegram dalam mata pelajaran Sejarah. Para pelajar mengikuti kelas secara maya menggunakan aplikasi Telegram dalam tempoh dua jam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat kesan yang bagus kepada nilai pedagogi dan nilai instrinsik yang dapat diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekali gus membantu pelajar untuk lebih memahami hasil pembelajaran mereka.

Kata kunci: Aplikasi Telegram, kelas mudah alih, pengajaran, nilai

PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi bukan sahaja memberi impak yang besar terhadap pembangunan negara, malah turut memberi kesan kepada dunia pendidikan pada hari ini. Hal ini sekali gus menuntut semua institusi pendidikan agar bergerak seiring dengan kemajuan tersebut. Perkembangan yang begitu pantas dan bersifat global ini telah membawa satu transformasi baharu dalam bidang pendidikan. Dunia pendidikan kini tidak lagi bersifat konvensional malahan telah menjangkau jauh ke hadapan serta dikelilingi oleh persekitaran yang lebih terarah kepada teknologi maklumat dan komunikasi. Teknologi maklumat terkini dapat membantu para guru, pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini secara tidak langsung telah memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan di Malaysia.

Penerapan pembelajaran secara dalam talian atau e-pembelajaran dalam bidang pendidikan merupakan kaedah yang dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran juga secara tidak langsung melibatkan komunikasi. Para pendidik dan pelajar perlu mengintegrasikan pembelajaran menggunakan teknologi mudah alih atau *mobile learning* dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Golongan ini juga perlu meneroka pelbagai teknik serta kaedah pengajaran dan aplikasi di dalam kelas agar masa yang diperuntukkan dapat dimanfaatkan dengan baik (Kashful Munirah Yusof & Anuar Ahmad, 2016). Pada zaman milenium ini, pelbagai aplikasi yang semakin canggih wujud dan diimplementasikan seperti aplikasi telegram yang semakin meningkat naik penggunaannya di persada pendidikan. Menurut Norhasna Yaakob & Mohd Jasmy Abd Rahman (2006), penggunaan aplikasi seperti Telegram dapat dijadikan sebagai media pengajaran yang baik bagi menarik minat para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di sekolah maupun di peringkat pengajian tinggi.

Teknologi mudah alih atau *mobile learning* merupakan suatu konsep baharu dalam proses pembelajaran yang menekankan keupayaan untuk memudahkan proses pembelajaran tanpa terikat kepada situasi atau persekitaran proses pembelajaran berlaku. Ia boleh dilakukan di pelbagai tempat dengan menggunakan kemudahan teknologi terkini seperti telefon pintar, komputer riba, *iPAD*, *Personel Digital Assistants* (PDAs) dan *tablet PC* (Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah & Azwin Arif Abdul Rahum, 2015). Aktiviti pembelajaran berdasarkan teknologi ini

boleh berlaku di tempat-tempat yang tidak bergantung kepada rangkaian, melayari internet secara bebas, dan boleh diakses tanpa mengira masa serta tempat. Pembelajaran menerusi kaedah ini juga merupakan alternatif kepada buku serta kuliah secara bersemuka. Selain itu, pembelajaran mobile juga merupakan perkembangan daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang menawarkan para pendidik dan pelajar kepada keadaan yang lebih fleksibel serta mewujudkan persekitaran yang lebih kendiri, spontan, tidak formal dan privasi tanpa mengetepikan konteks pembelajaran.

PERNYATAAN MASALAH

Proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah sering berhadapan dengan pelbagai masalah yang menyebabkan prestasi para pelajar kurang memberangsangkan. Berdasarkan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2008, prestasi pelajar dalam mata pelajaran Sejarah tidak konsisten dan memperoleh keputusan sebanyak 59.8% sekali gus membuktikan bahawa prestasi mata pelajaran Sejarah adalah kurang baik berbanding dengan mata pelajaran lain (Rossafri Mohamad & Shabariah Mohamad Shariff, 2011). Hal ini merupakan suatu cabaran yang besar kepada guru-guru kerana ia merupakan mata pelajaran teras di dalam peperiksaan SPM dan juga merupakan mata pelajaran wajib lulus. Selain itu, penerapan nilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah juga kurang diterima oleh para pelajar disebabkan oleh kekurangan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran secara perbincangan dengan menggunakan aplikasi Telegram perlu dilaksanakan dengan lebih efisyen untuk mengaktifkan suasana pembelajaran dan meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah sekali gus dapat menangani masalah prestasi pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

PEMBELAJARAN MOBILE MENGGUNAKAN TELEGRAM

Guru yang cemerlang perlu mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran, motivasi dan kepakaran yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab terutamanya apabila melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Dahulu guru dianggap sebagai fasilitator dalam proses pengajaran, namun kini, guru bertanggungjawab menyampaikan kandungan pembelajaran, menjana persekitaran pembelajaran yang kreatif dan kondusif serta menggalakkan para pelajar mengemukakan persoalan dan idea yang bernes. Oleh itu, guru perlu memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan menjadi pengalaman yang bermakna kepada para pelajar.

Penggunaan alat komunikasi yang diakses kepada internet sebenarnya telah kerap digunakan sebagai alat perhubungan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung. Para pendidik akan membina satu '*group*' dalam aplikasi sama ada Whatsapp atau Telegram bagi tujuan menyampaikan maklumat dan berbincang mengenai sesuatu isu yang berkaitan dengan mata pelajaran masing-masing. Oleh itu, secara tidak langsung proses pengajaran dan pembelajaran secara tidak formal telah berlaku. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih aplikasi Telegram untuk dijadikan sebagai platform bagi pembelajaran mobile. Hal ini

kerana kemudahan yang ditawarkan oleh aplikasi Telegram mudah dimuat turun secara percuma di *Play Store* oleh pengguna telefon pintar jenis perisian *Android* dan *Apps Store* oleh pengguna *iOS*. Selain mudah dikendalikan, aplikasi Telegram ini juga dapat memberi pilihan kepada pengguna untuk mengaksesnya melalui pelbagai jenis alat komunikasi seperti telefon pintar, *tablet* dan komputer di samping kelebihannya yang membolehkan pengguna memuat naik dokumen, gambar, video, dan audio.

Selain itu, aplikasi Telegram berbeza dengan aplikasi *Whatsapp* kerana di Telegram, semua ahli boleh menambah ahli lain dalam masa yang singkat kerana semua ahli merupakan *admin* berbanding *Whatsapp*. Aplikasi ini turut boleh diakses menggunakan komputer untuk mendapatkan paparan yang lebih besar dan fleksibel berbanding telefon pintar. Para pengajar berperanan sebagai pemudah cara manakala pelajar seharusnya melibatkan diri secara keseluruhannya ketika proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan melalui pembelajaran mobile. Pengajar memulakan proses pengajaran mereka dengan mengemukakan soalan terbuka dan semua pelajar perlu memberi maklum balas secara pantas dan terarah. Pelajar juga perlu mengemukakan pandangan masing-masing sehingga membentuk pengetahuan yang baharu.

METODOLOGI KAJIAN

Proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram telah dijalankan selama dua jam bagi mata pelajaran Sejarah. Kajian ini melibatkan responden seramai 30 orang pelajar tingkatan 5 yang akan menghadapi peperiksaan SPM nanti. Proses pengumpulan data adalah melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang dilakukan melalui aplikasi Telegram itu sendiri. Kajian ini adalah memfokuskan tentang cara penerapan nilai yang dapat diimplementasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram dan maklum balas yang diberikan oleh para pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran mudah alih menggunakan aplikasi Telegram.

ANALISIS DATA, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan aplikasi Telegram, dapatan kajian dibahagikan kepada dua kategori iaitu nilai pedagogi dan nilai instrinsik. Pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram merupakan suatu inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan ianya sesuai untuk diajar di peringkat sekolah menengah dan juga di institusi pengajian tinggi. Selain itu, pembelajaran melalui aplikasi Telegram ini juga dapat mengatasi masalah kehadiran para pelajar seterusnya dapat memastikan semua pelajar melibatkan diri secara aktif di dalam kelas yang dilaksanakan.

Pembelajaran melalui aplikasi Telegram sangat fleksibel kepada guru dan para pelajar. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden, mereka mengatakan bahawa pengalaman pembelajaran mobile menggunakan aplikasi Telegram merupakan suatu perkara yang menarik, kreatif dan inovatif. Hal ini juga turut bergantung kepada strategi pengajar mengendalikan kelas tersebut mengikut kreativiti masing-masing. Selain itu, responden berasa

seronok belajar melalui aplikasi Telegram kerana kaedahnya lebih santai, fleksibel dan dapat memastikan semua pelajar terlibat secara aktif dalam memberikan pandangan yang lebih jujur tanpa rasa segan dan malu.

Nilai Pedagogi

Hasil daptan menunjukkan bahawa pelbagai teknik telah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram. Guru mempunyai tanggungjawab terhadap pedagogi pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran apabila melaksanakan pembelajaran melalui Telegram ini. Tambahan pula, guru perlu sentiasa membuat persiapan bagi menyediakan bahan pembelajaran agar teknik yang digunakan memberi kesan yang mendalam kepada para pelajar untuk memudahkan pemahaman tentang topik yang dibincangkan seterusnya meningkatkan prestasi mereka.

Dua perkara yang perlu diberikan penekanan sebelum memulakan sesuatu pengajaran adalah penyediaan bahan dan pemilihan tempat yang kondusif untuk proses pembelajaran. Guru perlu memaklumkan kepada pelajar tentang topik yang akan dibincangkan dan guru juga perlu menyediakan bahan pengajaran untuk digunakan ketika proses pengajaran. Oleh itu, semua pelajar perlu bersiap sedia dengan bahan-bahan rujukan yang lain seperti buku, artikel dan gambar untuk digunakan semasa perbincangan ketika proses pembelajaran mobile dilakukan.

Selain itu, perkara yang perlu dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah suasana yang kondusif kerana ia melibatkan persediaan dari segi mental dan fizikal para pelajar. Sebelum memulakan pengajaran, para pelajar telah dimaklumkan tentang masa yang akan diperuntukkan untuk kelas menggunakan aplikasi Telegram iaitu bermula jam 11.00 pagi hingga 1.00 petang. Oleh itu, pelajar hendaklah memastikan bahawa segala tanggungjawab lain telah diselesaikan agar tempoh pembelajaran mobile melalui aplikasi Telegram dapat dijalankan tanpa sebarang gangguan. Bagi persediaan fizikal pula, pelajar perlu memastikan alatan komunikasi yang digunakan seperti telefon pintar atau komputer mendapat akses internet secara berterusan agar tidak mengganggu tumpuan ketika kelas sedang berlangsung.

Di samping itu juga, kaedah untuk mengambil kehadiran pelajar yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram ini lebih pantas dan hanya memakan masa selama dua hingga tiga minit sahaja apabila semua pelajar dikehendaki melaporkan kehadiran mereka. Jarak dan kedudukan geografi tidak membataskan pelaksanaan kelas malah membuktikan bahawa kaedah ini memberikan fleksibiliti yang tinggi serta keselesaan kepada guru dan para pelajar.

Bagi memastikan kelas dan perbincangan melalui aplikasi Telegram lebih bermakna, penggunaan bahan sokongan seperti gambar dan audio sangat diperlukan. Hal ini bagi memastikan penglibatan aktif para pelajar terhadap topik yang dibincangkan. Sekiranya terdapat perkara yang sukar difahami hanya melalui gambar yang dihantar, para pelajar boleh menggunakan teknik audio untuk memberikan penjelasan dan penghuraian dengan lebih lanjut tentang topik tersebut agar mudah difahami oleh rakan-rakan yang lain.

Nilai Instrinsik

Nilai instrinsik merupakan nilai yang dirasai oleh para pelajar hasil daripada pengalaman mereka melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram. Nilai ini diperoleh melalui maklum balas yang diberikan oleh pelajar terhadap pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram sebaik sahaja kelas ditamatkan. Pembelajaran yang menarik antara nilai instrinsik yang diketengahkan oleh para pelajar.

Kajian mendapati bahawa terdapat 15 orang responden yang menyatakan bahawa kaedah pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram merupakan suatu kaedah yang menarik dan menyeronokkan. Sepanjang proses pembelajaran ini berlangsung, masa berlalu tanpa disedari kerana mereka melibatkan diri secara aktif dengan memberikan maklum balas dan dalam masa yang sama membaca maklum balas daripada rakan-rakan yang lain.

Responden yang menyatakan pembelajaran melalui aplikasi Telegram ini menyeronokkan memberikan maklum balas dengan menyelitkan ikon-ikon senyum bagi menggambarkan perasaan mereka setelah menjalani kelas tersebut. Terdapat juga responden yang memberi maklum balas dengan menyatakan bahawa kaedah pembelajaran ini lebih bersifat santai dan mereka berasa tidak tertekan walaupun banyak input yang diterima dan yang perlu difikirkan dalam masa yang singkat.

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram ini memberikan peluang kepada para pelajar untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menyempurnakan tugasannya mereka. Kreativiti ini dapat dilihat apabila guru memohon para pelajar untuk melakarkan idea mereka dalam pelbagai bentuk seperti peta minda, carta alir dan sebagainya untuk memastikan mereka memahami topik yang disampaikan. Melalui pembelajaran mobile yang menggunakan aplikasi Telegram, semua pelajar dapat melibatkan diri secara aktif dan dapat mengetahui pemikiran serta idea rakan-rakan sekelas mereka yang lain. Hal ini kerana apabila kelas secara bersemuka diadakan, tidak semua pelajar akan bercakap dan melontarkan idea disebabkan rasa malu yang menebal dalam diri masing-masing.

KESIMPULAN

Pelbagai kesan dan impak positif yang diperoleh responden dalam kajian ini apabila menjalani proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan aplikasi Telegram. Pembelajaran ini dapat memastikan para pelajar sentiasa bersedia sebelum sesuatu kelas dimulakan serta akan memberikan lebih tumpuan sepanjang kelas berlangsung. Hal ini berbeza dengan kelas yang dijalankan secara bersemua kerana para pelajar boleh hilang tumpuan ketika guru sedang mengajar di hadapan disebabkan oleh pelbagai gangguan lain yang menarik perhatian mereka seperti perbualan dengan rakan sekelas dan teknik pengajaran konvensional. Kaedah pembelajaran mobile ini juga lebih bermakna kerana pada akhir proses pembelajaran, semua pelajar dapat mencapai objektif pembelajaran mereka serta dapat membina hubungan yang baik dengan guru dan rakan sekelas.

Kesimpulannya, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam bidang pendidikan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan walaupun pada masa

yang sama mempunyai beberapa kekangan. Walau bagaimanapun, kekangan-kekangan tersebut akan dapat diatasi sekiranya semua pihak memberikan kerjasama yang jitu dalam meningkatkan tahap kualiti pendidikan di Malaysia setanding dengan tahap pendidikan di negara-negara maju yang lain.

RUJUKAN

- Ashraf, D. & Kamaljit, I. L. (2010). The impact of the new web 2.0 technologies in communication, development and revolutionsof societies. *Journal of Advances in Information Technology*, 2(4) : 204-216.
- Aziz, N. A. A., & Ahmed, M. T. (2017). E-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di IPG Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11.
- Cheat, S. L. S. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 2(42), 1-14.
- Deo, S. & Hassan, S. 2014. Exploitation of online social networks (OSNs) among university student : A case study of the University of Dodoma. *Inetrrnational Journal of Computer Applications*, 94(12) : 10-14.
- Devita Anggraini, S. & Chendra Wibawa, S. (2019). Pengembangan Media Pembelajaran Berbasis Telegram pada Mata Pelajaran Teknik Pengolahan Video Untuk Meningkatkan Kemampuan Berfikir Kognitif Siswa. It-Edu, 3(20).
- Fatin Fatinah Manap & Aidah Abdul Karim. (2016). Pemilihan dan Penggunaan Media Sosial dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) : Satu Kajian di KIS. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1(36-40).
- Hasan, S. H. (2019). Pendidikan Sejarah Untuk Kehidupan Abad Ke 21. *Historia : Jurnal Pendidik dan Penelti Sejarah*, 2(2), 61-72.
- Hairia'an, N. H., & Dzainudin, M. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Issham Ismail, Siti Norbaya Azizan & Thenmolli Gunasegaran. (2016). Mobile learning in Malaysian universities : Are students ready? *International Journal of Interactive Mobile Learning*. 10(3) : 17-23.
- Kashful Munirah Yusof & Anuar Ahmad. (2016). Media Sosial dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Sekolah Rendah. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1(1-15).
- Kwartolo, Y. (2010). Teknologi informasi dan komunikasi dalam proses pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 14, 15-43.
- Malik, A., Siraj, S., Abdullah, M. R. T. L., & Sakika, K. A. (2017). Keperluan Dan Penerimaan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan M-Pembelajaran Dalam Pendidikan Guru. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(3), 62-70.
- Miasan, N. A., & Kasim, T. S. A. T. (2018). Pengamalan M-Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Novis Pendidikan Islam Di Sabah. *Journal of Islamic Educational Research*, 3(1), 11-20.
- Monalisa, M., & Ardi, H. (2013). Using “Edmodo” educational social network in teaching English for high school students. *Journal of Ennglish Language Teaching*. 1(119-120).
- Nair, S. (2005). Penggunaan model konstruktivisme lima fasa needham dalam pembelajaran sejarah. *Malaysian Journal of Educators and Education*, 20, 21-41.
- Nor'aïn Nanyam & Aidah Abdul Karim. (2016). Penerimaan Penggunaan Media Sosial dalam Pembelajaran di Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam

- Antarabangsa Selangor (KUIS). Universiti Kebangsaan Malaysia. 1(60-62).
- Noraya Elya Mohamad, Aidah Abdul Karim & Md Yusoff Daud. (2017). Penggunaan FROG VLE Sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) Di Sekolah Seluruh Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1(37).
- Norhasna Yaakob & Mohd Jasmy Abd Rahman. (2016). Perspektif Guru Terhadap Penggunaan Media Sosial dalam Pengajaran dan Pembelajaran : Satu Tinjauan di Sekolah Kebangsaan Ledang. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1(12-17).
- Nurhuda Ahmad & Fariza Khalid. (2016). Penggunaan Media Sosial di Kalangan Guru Perpustakaan dan Media (GPM) : Satu Kajian Kes di Zon Cheras, Hulu Langat. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1(27-29).
- Oller, R. 2012. *The Future of Mobile Learning*. EDUCOUSE centre for Applied Research.
- Putra, I. E. (2014). Teknologi media pembelajaran sejarah melalui pemanfaatan multimedia animasi interaktif. *Jurnal Teknolfi*, 1(2).
- Rahayu, W. (2019). Pembelajaran Sejarah untuk Generasi Z. *Jurnal Pendidikan Sejarah Indonesia*, 2(1), 1-7.
- Rossafri Mohamad & Shabariah Mohamad Shariff. (2011). Kesan Penggunaan Laman Sosial ke atas Kaedah Perbincangan di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1).
- Qamar, K., & Riyadi, S. (2018). Efektivitas Blended Learning Menggunakan Aplikasi Telegram. *At-Tajdid: Jurnal Ilmu Tarbiyah*, 7(1), 1-15.
- Saleh, M. P., & Siraj, S. (2017). Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran M-Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4), 12-24.
- Saputro, D. A. (2018). Pengembangan Bahan Ajar Pembelajaran Berbasis E-Learning dengan Menggunakan Aplikasi Telegram pada Matapelajaran Sejarah di SMA Negeri 1 Kauman tulungagung. *SKRIPSI Jurusan Sejarah-Fakultas Ilmu Sosial UM*.
- Suryadi, A. (2007). Pemanfaatan ICT dalam pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Terbuka dan Jarak Jauh*, 8(3), 83-96.
- T. H Brown. (2005). *Towards a model for m-learning in Africa*. *International Journal on E-learning*, 4(3), 399-315.
- Kechil, T. S. K. T., bin Awang, M. M., & bin Ahmad, A. R. (2019, October). The relationship between telegram application as a history learning platform and student performance. In *The 2nd International Conference on Sustainable Development and Multi-Ethnic Society* (pp. 156-160). Redwhite Pres.
- Yusof, M. N. M., & Tahir, Z. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan Ipta. *e-BANGI*, 12(3), 1-10.
- Zanaton H. Iksan & Sumaiyah Mohd Saufian. (2017). *Mobile Learning : Innovation In Teaching And Learning Using Telegram*. Malaysia : Universiti Kebangsaan Malaysia.